



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 19 FEBRUARI 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	KPDNHEP, MAFI PASTIKAN BEKALAN TELUR CUKUP MENJELANG PUASA, RAYA, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	TELUR: PENIAGA DISARAN AMAL KAWALAN KENDIRI ELAK GANGGUAN BEKALAN, UM -ONLINE	
3.	PELAN PASTIKAN TELUR CUKUP PADA RAMADHAN, AIDILFITRI, HM -ONLINE	
4.	MAQIS AGIH 13.2 TAN MAKANAN HAIWAN KEPADA JABATAN MEMERLUKAN, BH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	KOPERASI DIBERI KEBENARAN UNTUK MENGIMPORT, BERITA KINI -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	CO-OPS GIVEN GO-AHEAD TO IMPORT, THE STAR -ONLINE	
7.	COOPERATIVES CAN HELPS STABILISE PRICES OF GOODS, CHINA PRESS -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## KPDNHEP, MAFI pastikan bekalan telur cukup menjelang puasa, raya



Rosol Wahid (dua dari kanan) bersama Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu, Saharuddin Mohd Kia (kiri) memantau penjualan telur ayam pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Kampung Batu Hampar, Manir pada Sabtu. -

KUALA TERENGGANU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sudah bersiap sedia dengan pelan intervensi bagi memastikan bekalan telur ayam di seluruh negara mencukupi untuk kegunaan pada bulan puasa dan Hari Raya Aidilfitri nanti.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, ini kerana pihaknya menjangka pada waktu berkenaan permintaan terhadap telur ayam akan menjadi lebih tinggi berbanding hari biasa.

Beliau berkata, KPDNHEP dan MAFI juga akan melaksanakan advokasi berterusan dengan pengusaha telur ayam bagi memastikan kestabilan bekalan menjelang musim perayaan itu.

"Kita sudah maklumkan kepada MAFI untuk diambil tindakan dan saya difahamkan kementerian itu telah ambil langkah untuk pastikan (bekalan telur mencukupi) kerana kita tahu menjelang puasa dan raya ramai orang akan buat kuih dan sebagainya. Jadi penggunaan telur akan lebih daripada biasa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Dataran Restoran Ikan Bakar di Manir pada Sabtu.

Sementara itu, Rosol berkata, pihaknya telah mengesan 95 kesalahan berkaitan penentuan harga maksimum ayam dan telur ayam membabitkan 94 peruncit dan satu pemborong di seluruh negara, dari 5 Februari lalu hingga Jumaat.

Katanya, daripada jumlah itu, 87 kes melibatkan kesalahan tiada tanda harga khas merah jambu, tujuh kes menjual ayam dan telur ayam melebihi harga maksimum dan satu kes tiada tanda harga.

"Rekod kesalahan itu dikesan hasil pemeriksaan ke atas 11,036 peruncit dan 232 pemborong seluruh negara. Nilai keseluruhan kompaun yang dikeluarkan adalah RM14,700, manakala nilai keseluruhan sitaan sebanyak RM8,733.54," katanya.

Kerajaan sebelum ini bersetuju memberi subsidi 60 sen per kilogram kepada penternak ayam dan lima sen bagi sebiji telur semua kategori bermula 5 Februari hingga 4 Jun, iaitu sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM). - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Telur: Peniaga disaran amal kawalan sendiri elak gangguan bekalan



ROSOL Wahid (dua dari kiri) memeriksa tanda telur dalam Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Batu Hampar, Manir di Kuala Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

KUALA TERENGGANU: Golongan peniaga disaran melakukan kawalan sendiri bagi memastikan bekalan barangan seperti telur dan minyak masak bersubsidi tidak terputus menjelang bulan Ramadan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk [Rosol](#) Wahid berkata, langkah menetapkan pembelian minimum bagi setiap pelanggan itu sememangnya sudah diamalkan rata-rata peniaga kini.

“Saya difahamkan ada tempat yang menghadkan dua minyak masak peket kepada pelanggan mereka.

“Bagaimanapun, kebimbangan kita adalah telur tetapi saya difahamkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sudah mengambil usaha untuk memastikan bekalan mencukupi menjelang bulan puasa,” katanya katanya dalam sidang akhbar selepas Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Batu Hampar, Manir di sini hari ini.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan bekalan [ayam](#) dan telur dijamin mencukupi sehingga ke bulan Ramadan dan perayaan Aidilfitri susulan subsidi harga yang diperkenalkan kerajaan baru-baru ini.

Dalam pada itu, Rosol berkata, kementeriannya akan memperhebatkan pelaksanaan Op Indah di premis-premis restoran dan hotel sekiranya cadangan pembukaan pintu [sempadan negara](#) dibenarkan pada 1 Mac ini.

Katanya, langkah itu bagi memastikan tiada unsur-unsur pencatutan dalam kalangan peniaga.

– [UTUSAN](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

## Pelan pastikan telur cukup pada Ramadan, Aidilfitri



DATUK Rosol (dua,kanan) bersama Saharuddin Mohd Kia (kiri) memantau penjualan telur ayam pada PJKM di Kampung Batu Hampar hari ini. FOTO Ghazali Kori

Kuala Terengganu: Kerajaan mempersiapkan beberapa pelan intervensi bagi memastikan bekalan telur ayam cukup pada Ramadan dan Aidilfitri tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid berkata, rancangan bersasar itu dilaksana kementerianya dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

Katanya, inisiatif itu juga memastikan isu kekurangan bekalan yang sering berlaku ketika musim perayaan dapat dielakkan.

"Permintaan telur ayam ini akan meningkat pada Ramadan dan Syawal untuk membuat kuih serta sebagainya.

"Jadi kita bimbang menjelang tempoh itu, permintaannya akan lebih tinggi dan sebab itu kita dengan kerjasama Mafi dan pengusaha-pengusaha (pembekal) telur sentiasa mencari alternatif bagi mengatasi isu seumpamanya.

"Sekali gus kita mahu memastikan barangan keperluan harian mencukupi bagi menampung keperluan pengguna (keseluruhannya)," katanya yang ditemui selepas Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Kampung Batu Hampar, Manir, di sini hari ini.

Rosol turut memberi jaminan bekalan keperluan harian yang lain seperti minyak masak juga mencukupi sepanjang Ramadan nanti.

Menurutnya, sebanyak 11,268 pemeriksaan penentuan harga maksimum ayam dan telur dijalankan di seluruh negara sejak 5 Februari sehingga semalam.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 95 kes dikesan melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 selain, RM14,700 kompaun dikeluarkan dan sitaan bernilai RM8,733.54," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## MAQIS agih 13.2 tan makanan haiwan kepada jabatan memerlukan



KOTA BHARU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menyumbang sebanyak 13.2 tan bekalan makanan haiwan kepada jabatan yang memerlukan sepanjang tahun ini.

Sumbangan menerusi program MAFI Prihatin yang membabitkan kos berjumlah RM134,000 itu diagihkan kepada Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Timbalan Menteri II MAFI, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata sumbangan makanan haiwan itu adalah hasil sitaan pengimportan keluaran pertanian yang sudah melalui proses undang-undang dan dilucuthakkan.

"Bekalan makanan haiwan ini membabitkan ayam dan daging sejuk beku yang disita di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Menerusi Jabatan Penjara, makanan haiwan ini diagihkan kepada penjara yang menjalankan projek di bawah Program Rehabilitasi Banduan, manakala di bawah PERHILITAN pula diserahkan kepada beberapa zoo dan taman rekreasi," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu Dr Nik Muhammad Zawawi menyerahkan enam tan hasil haiwan yang dianggarkan bernilai RM60,000 kepada Jabatan Penjara Pengkalan Chepa, Machang, Marang (Terengganu), Penor (Pahang) dan pusat pemulihan akhlak (PPA) Machang.

"MAFI melalui MAQIS sentiasa prihatin membantu setiap jabatan serta agensi yang memerlukan dan pada masa sama penguatkuasaan di pintu masuk negara akan diperkasakan terhadap setiap pengimportan keluaran pertanian khususnya mengenai aspek halal membabitkan ayam dan daging," katanya.

Yang turut hadir pada majlis serahan itu adalah Timbalan Ketua Pengarah MAQIS, Dr Azhari Sharidan Abu Bakar dan Pengarah MAQIS Kelantan, Muhammad Nazrul Hizam Ab Manaf.

Dalam perkembangan lain, Dr Nik Muhammad Zawawi berkata, pihaknya sedang meneliti untuk menyegerakan bantuan kepada ratusan pekebun tembikai yang kerugian apabila tanaman mereka rosak akibat air bertakung susulan hujan baru-baru ini.

Beliau berkata, bantuan akan diberikan dalam bentuk kewangan dan input pertanian serta nilainya bergantung kepada peruntukan yang akan ditentukan nanti.



**Nik Muhammad Zawawi (dua dari kanan)**  
menyerahkan kotak mengandungi ayam dan daging  
sejuk beku kepada Pengarah Penjara Pengkalan Chepa,  
Wan Sani Ab Latiff di Kota Bharu. - NSTP/Siti Rohana  
Idris

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2022	BERITA KINI	ONLINE	

## Koperasi diberi kebenaran untuk mengimport



ISKANDAR PUTERI: Koperasi yang berhasrat mengimport makanan seperti ayam akan mendapat permit yang diluluskan daripada kerajaan dalam usaha menstabilkan harga, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri juga menggesa koperasi untuk mengumpulkan sumber mereka dan bekerjasama.

Memetik contoh, katanya, mereka boleh menubuhkan pusat pemborong dan membeli barangan secara pukal pada harga lebih murah.

“Mereka kemudiannya boleh mengedarkan produk tersebut kepada koperasi yang terlibat dalam peruncitan pada harga yang lebih murah dan ini akan membantu menstabilkan harga.

“Bukan sahaja untuk koperasi tetapi juga kedai di bawah agensi lain seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda),” katanya selepas melancarkan majlis untuk usahawan dan koperasi di sini semalam.

Beliau menambah, pada masa ini terdapat 14,000 koperasi dengan tujuh juta ahli di seluruh negara.

Mengenai perkara berasingan, Perdana Menteri berkata bantuan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) yang dilanda Covid-19 dan banjir baru-baru ini mesti diagihkan awal bulan depan.

“Saya harap pada minggu pertama Mac mereka sudah mendapat wang itu,” katanya.

Pada 9 Feb, Ismail Sabri mengumumkan pemberian RM3,000 sekali sahaja melalui Tekun Nasional untuk perniagaan mikro dan tidak formal yang terjejas akibat banjir baru-baru ini, dengan inisiatif itu dijangka memanfaatkan 15,000 perniagaan sedemikian.

Beliau berkata di bawah Skim Pembiayaan Tidak Formal dan Mikro (SPIM), peminjam boleh mengambil pinjaman tanpa faedah sehingga RM10,000.

Semasa acara berasingan kemudiannya, presiden MCA Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata keunikan dan kekuatan Malaysia terletak pada kepelbagaian dan perpaduan antara pelbagai kaum di negara ini.

Dr Wee berkata sambutan perayaan bersama, termasuk Tahun Baru Cina, telah menjadi sebahagian daripada ciri unik negara ini.

“Inilah keunikan tentang Malaysia yang perlu kita pelihara.

“Ia adalah asas yang telah mengekalkan Keluarga Malaysia bersatu dan erat.

“Saya juga bersyukur kerana masyarakat masih dapat menyambut Tahun Baharu Cina tahun ini walaupun dilanda pandemik Covid-19,” katanya ketika berucap pada majlis makan malam Tahun Baharu Cina Keluarga Malaysia di Educity di sini.

Ismail Sabri yang merasmikan majlis itu berkata perbezaan antara pelbagai kaum tidak seharusnya menjadi punca memecahbelahkan rakyat sebaliknya menjadi elemen penyatuan.

“Walaupun berbeza, kita perlu memahami agama, adat dan budaya masing-masing. Ini dapat kita lihat semasa pandemik Covid-19, di mana orang dari pelbagai kaum dan agama berkumpul untuk membantu antara satu sama lain,” katanya.

Sambutan penuh warna-warni itu turut menampilkan tarian singa, persembahan opera Cina dan persembahan istimewa oleh orkestra Istana Budaya.



19 FEB, 2022

## Co-ops given go-ahead to import

The Star, Malaysia

Page 1 of 2

# Co-ops given go-ahead to import

## Move aimed at helping to stabilise food prices

By NELSON BENJAMIN  
and VENESA DEVI  
newsdesk@thestar.com.my

**ISKANDAR PUTERI:** Cooperatives intending to import food such as chicken will get approved permits from the government in an effort to stabilise prices, says Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

The Prime Minister also urged cooperatives to pool their resources and work together.

Citing an example, he said, they could set up a central wholesaler and purchase items in bulk at a cheaper price.

"They can then distribute the products to cooperatives that are involved in retail at a cheaper price and this will help stabilise prices."

"Not just for cooperatives but also shops under other agencies such as Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) and Federal Land Development Authority (Felda)," he said after launching an event for entrepreneurs and cooperatives here yesterday.

He added that presently there were 14,000 cooperatives with seven million members nationwide.

On a separate matter, the Prime

Minister said that assistance for micro, small and medium enterprises (SMEs) hit by Covid-19 and the recent floods must be distributed early next month.

"I hope by the first week of March they would already get the money," he said.

On Feb 9, Ismail Sabri announced a RM3,000 one-off grant through Tekun Nasional for micro and informal businesses affected by the recent floods, with the initiative expected to benefit 15,000 such businesses.

He said under the Informal and Micro Financing Scheme (SPIM), borrowers could take up interest-free loans of up to RM10,000.

During a separate event later, MCA president Datuk Seri Dr Wee Ka Siong said Malaysia's uniqueness and strength lies in its diversity and the unity among the many races in the country.

Dr Wee said the shared celebration of festivals, including Chinese New Year, has been part of the unique feature of the country.

"This is the uniqueness about Malaysia that we need to preserve."

"It is the basis that has been keeping the Malaysian Family united and close-knit.



**For prosperity:** Dr Wee (left), Ismail Sabri (centre), Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Seri Nancy Shukri (second from right), caretaker Johor Menteri Besar Datuk Seri Hasni Mohammad (second from left) and state secretary Datuk Azmi Rohani tossing yee sang during the Keluarga Malaysia Chinese New Year dinner at Educity here. — THOMAS YONG/The Star

"I am also grateful that the community is still able to celebrate Chinese New Year this year despite the Covid-19 pandemic," he said in his speech during the Keluarga Malaysia Chinese New Year dinner at Educity here.

Ismail Sabri, who officiated the

event, said the differences among the various races should not be a reason to divide the people but rather a unifying element.

"Despite our differences, we need to be able to understand each other's religion, customs and culture. We can see this during the Covid-19 pan-

demia, where people from different races and religions coming together to help one another," he said.

The colourful celebration also featured a lion dance, a Chinese opera performance and a special performance by Istana Budaya's orchestra.



19 FEB, 2022

## Co-ops given go-ahead to import

The Star, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Move aimed at helping to stabilise food prices

ISKANDAR PUTERI: Cooperatives intending to import food such as chicken will get approved permits from the government in a effort to stabilise prices, says Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. The Prime Minister also urged cooperatives to pool their resource and work together. Citing an example, he said, they could set up a central wholesaler and purchase items in bulk at a cheaper price.



19 FEB, 2022

## Cooperatives can help stabilise prices of goods - PM

China Press, Malaysia

Page 1 of 2

# 家庭合作社控制物價

## 首相：讓人民受惠

（新山18日讯）首相拿督斯里依斯迈沙比里相信，家庭合作社可发挥降低和控制物价的角色，让人民受惠。

他说，我国至今有1万4000间家庭合作社，总计600万至700万名会员，家庭合作社可通过一次性进货，并分派给其他家庭合作社，或许能达到控制物价的成效。

依斯迈沙比里今年出席振林山努山达

拉花园举办的大马一家企业家和家庭合作社嘉年华，召开记者会，这么指出。

他也建议，家庭合作社不只局限在家庭合作社之间的合作，也可与联邦土地发展局（FELDA）和联邦农业销售局（FAMA）合作。

出席者包括企业发展及合作社部长丹斯里诺奥马、柔佛看守政府州务大臣拿督斯里哈斯尼、依斯干达布蒂里市长拿督莫哈末哈菲兹。



19 FEB, 2022

## Cooperatives can help stabilise prices of goods - PM

China Press, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

#### 家庭合作社控制物價

首相：讓人民受惠(新山18日訊) 首相拿督斯里依斯迈沙比里相信，家庭合作社可发挥降低和控制物价的角色，让人民受惠。他说，我国至今有1万4000间家庭合作社、总计600万至700万名会员，家庭合作社可通过一次性进货，并分派给其他家庭合作社，或能达到控制物价的成效。依斯迈沙比里今午出席振林山努山达拉花园举办的大马一家企业家和家庭合作社嘉年华，召开记者会，指出fcb01也也建议，